

Headline	Kadar tarif elektrik negara keempat paling rendah di dunia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	20	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	459 cm ²
Journalist	Mohamad Zulhairie Manzaidi	AdValue	RM 15,822
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,466



Kadar tarif elektrik negara keempat paling rendah di dunia

➔ Langkah kenaikan perjanjian jangka panjang beri kesan positif

Oleh Mohamad Zulhairie Manzaidi
bhnews@bh.com.my

► Tumpat

Kadar tarif elektrik untuk kegunaan domestik Malaysia adalah keempat terendah di dunia selepas Sweden, China dan Taiwan.

Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Dr Zaini Ujang, berkata ia berikutan langkah kerajaan mengamalkan perjanjian dengan syarikat pembekal tenaga dalam tempoh panjang iaitu 21 tahun.

"Dasar itu diamalkan berbanding negara lain yang membuat perjanjian singkat dengan syarikat pembekal tenaga, selain ada negara yang langsung tidak mempunyai perjanjian.

Perjanjian tempoh lama

"Perjanjian tempoh lama itu kerana taraf kredit baik Malaysia membolehkan pembayaran balik dibuat dalam tempoh yang panjang dengan kadar faedah yang rendah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media yang diadakan selepas sesi dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) Malaysia



[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

Zaini dan Fizo bersama sebahagian peserta sesi dialog TN50 dan Pelan Induk Teknologi Hijau Malaysia 2017-2030 di Tumpat, semalam.

Fakta nombor

38.53
SEN

purata kadar tarif elektrik di Semenanjung perkilowatt jam

2017-2030 di sini, semalam.

Program yang dihoskan personaliti media, Fizo Omar turut dihadiri Pengurus Besar Kanan Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Mohd Aminuddin Mohd Amin dan Pengurus Besar TNB Kelantan, Datuk Yuslan Yusof.

Zaini berkata, banyak syarikat penyedia perkhidmatan berkaitan kewangan meletakkan Malaysia di kedudukan 'AA' disebabkan taraf kredit dimiliki.

"Iklim pelaburan Malaysia yang baik menyebabkan syarikat luar berminat melabur, terutama dalam sektor tenaga.

"Kita juga mempunyai rekod baik dalam pengurusan dan hanya

menggunakan tenaga tempatan kecuali dalam sektor pembinaan yang memerlukan kita mengimport," katanya.

Tetapkan kadar tidak naik terlalu tinggi

Katanya, kerajaan turut berperanan dalam menetapkan kadar elektrik supaya tidak naik terlalu tinggi.

"Purata kadar tarif elektrik di Semenanjung ketika ini yang digunakan sejak 1 Januari 2014 ialah 38.53 sen perkilowatt jam (kWh) dan kekal bagi tempoh tiga tahun akan datang bermula 1 Januari lalu hingga 31 Disember 2020," katanya.